

04/04/1997

Tapak Ukay Perdana bukan hutan rimba

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Projek Ikatan Rapi Sdn Bhd (Ikatan Rapi), yang melaksanakan projek kontroversi Ukay Perdana di Hulu Klang mendakwa, tapak projek itu sebelum ini diliputi belukar, bukannya hutan rimba.

Penolong Pengurus Besar (Projek) Larut Consolidated Bhd, Ting Jian Guo, berkata ketika projek itu dimulakan, kawasan berkenaan diliputi hutan sekunder.

"Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) menunjukkan kawasan pembangunan merangkumi hutan belukar, hutan primer, ladang getah dan durian ... tidak ada hutan rimba," katanya di pejabatnya di sini, hari ini.

Kelmarin, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding berkata Ikatan Rapi, anak syarikat Larut Consolidated Bhd itu akan dihadapkan ke mahkamah kerana gagal mematuhi peruntukan EIA.

Kawasan pembangunan Ukay Perdana timbul apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat kegiatan pembukaan tanah besar-besaran di Selangor selepas beliau melihat sendiri ketika dalam penerbangan pulang dari Taman Negara, 18 Mac lalu.

Berikutan itu, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib mengarahkan kerja tanah di tapak Ukay Perdana dihentikan kerana kegagalannya mematuhi syarat ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Ting yang mengakui kesilapan membersihkan kawasan 138 hektar itu bagaimanapun berkata, Ikatan Rapi akan menanam 12,000 pokok di tapak terbabit dalam tempoh enam bulan dengan kos RM5 juta.

Katanya, Ikatan Rapi akan menyediakan jaminan bank RM5 juta bagi menjalankan program penanaman pokok itu.

Jaminan itu akan diambil oleh kerajaan negeri jika pemaju gagal melaksanakannya.

Tindakan menanam semula itu, katanya, membuktikan syarikat berkenaan bertanggungjawab dan enggan mempertikaikan tindakan pihak berkuasa.

Syarikat itu juga akan melaksanakan program pemulihan dan mitigasi sebagaimana diperuntukkan dalam Kajian EIA dan proses berkenaan membabitkan pembesaran perangkap mendapan serta pemulihan cerun.

Menurutnya, jaminan itu diberikan kepada anggota Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dalam satu sesi taklimat kepada mereka Rabu lalu, dan kepada Muhammad dalam pertemuan selepas itu.

(END)